

**Saya tetap cium tangan Dr Mahathir, kata Ibrahim Ali**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 23, 2016**  
**Aedi Asri**

**Ibrahim Ali mengakui pernah menjadi penyokong kuat Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim, namun tidak bererti beliau akan sentiasa bersetuju dengan mereka.**

KUALA LUMPUR: Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali menegaskan beliau tetap menghormati Tun Dr Mahathir Mohamad walaupun bekas perdana menteri itu menghينanya.

“Tun kata beliau malu berkawan dengan saya tetapi tidak mengapalah, saya tetap anggap beliau bukan sahaja kawan tetapi negarawan terbilang. Saya ingat jasa Tun.

“Saya tetap menghormatinya walau macam mana sekali pun beliau hina saya. Kalau jumpa, saya tetap cium tangannya sebab saya jenis hormat orang tua,” katanya dalam sidang media di ibu pejabat Perkasa di sini hari ini.

Katanya, beliau memang penyokong kuat Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika zaman belajarnya dahulu. Namun, itu tidak bererti beliau akan sentiasa bersetuju dengannya.

Dr Mahathir sememangnya dilihat mempunyai hubungan rapat dengan Perkasa apabila sering menghadiri majlis mereka, di saat Barisan Nasional (BN) dilihat menjauhkan diri daripada NGO Melayu itu.

Namun, Dr Mahathir dalam sidang media semalam berkata malu berkawan dengan Ibrahim memandangkan bekas ahli Parlimen Pasir Mas itu enggan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hanya kerana ia bekerjasama dengan DAP.

Beliau juga mendakwa Perkasa menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak apabila memutuskan untuk menghantar calon pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14.

Mengulas perkara itu, beliau berkata sudah memaklumkan kepada Dr Mahathir dan Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, tidak akan turut serta jika mereka ingin bekerjasama dengan DAP, sebelum PPBM ditubuhkan.

“Saya tidak boleh sertai kapal yang turut dinaiki musuh,” katanya dan menjelaskan sebab utama menolak DAP kerana menurutnya parti itu sering mempersoalkan kedudukan Bumiputera dan Islam di Malaysia.

“Sepatutnya mereka berterima kasih saya tidak menyertainya. Jika saya masuk dan dapati ada agenda reformasi dan kerjasama DAP yang tidak boleh diterima, akhirnya saya mendatangkan masalah kepada mereka,” katanya lagi.

Sementara itu, beliau menyentuh tulisan bekas menteri penerangan Tan Sri Zainuddin Maidin yang mendakwa punca beliau enggan bersama PPBM kerana Dr Mahathir berbaik semula dengan Anwar dan bukan kerana DAP, sebagai tidak tepat.

“Supaya tiada salah faham, memang perkara pokok adalah DAP. Blog Zam tidak tepat, tetapi beliau kata biarlah kontroversi sedikit,” katanya.

Bagaimanapun, beliau tetap kurang senang dengan Anwar kerana menurutnya beliau tidak boleh dijadikan pemimpin.

“Kita tahu Anwar buat perkara yang dihukum mahkamah. Beliau tidak boleh jadi pemimpin tetapi Pakatan Harapan membuat keputusan yang Anwar tetap calon perdana menteri mereka,” katanya lagi.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/23/saya-tetap-cium-tangan-dr-mahathir-kata-ibrahim-ali/>